

CNS3156

U GB 26-06 .00188 BA531

Aab

Mahathir - Brazil  
Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

RIO DE JANEIRO, . 26 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari Selasa menggesa para usahawan Brazil supaya merebut pelbagai peluang pelaburan yang kini terdapat di Malaysia dengan menubuhkan pusat bagi kegiatan perkilangan mereka di negara itu.

Katanya, mereka patut berbuat demikian bukan sahaja untuk memenuhi pasaran di Malaysia malah juga untuk pasaran serantau.

Malaysia terletak di tengah-tengah rantau Asia-Pasifik yang begitu pesat membangun dan menawarkan lokasi paling menarik kepada Brazil untuk mengembangkan hubungan ekonominya dengan rantau itu, katanya pada Seminar Pelaburan anjuran Persatuan Perniagaan Rio De Janeiro.

Dstuk Seri Dr Mahathir dan anggota-anggota rombongannya yang terdiri daripada beberapa menteri dan pegawai kanan tiba di sini awal Selasa dari Santiago, Chile.

Brazil merupakan negara kedua yang dilawati dalam rangka lawatannya ke negara-negara Amerika Selatan itu, bertujuan memperkukuhkan hubungan perdagangan dengan negara-negara Amerika Latin.

Sekumpulan 70 orang usahawan yang diketuai oleh Presiden Dewan Perniagaan dan Perusahaan Kebangsaan Malaysia, Dr Nawawi Mat Awin turut serta dalam rombongan Perdana Menteri itu. -- Lagi.

♥26/06/12-55MST

R GB 26-06 00169 BA532

Aab

Mahathir - Brazil 2 Rio De Janeiro

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bahawa usahawan Brazil, sebagai kumpulan ekonomi terbesar Amerika Selatan, yang disokong pula oleh asas perindustrian negara itu yang sofistikated, mempunyai kedudukan yang baik untuk menyekaji peluang pelaburan di Malaysia.

Dalam banyak hal, ekonomi Brazil dan Malaysia saling menokok-tambah antara satu sama lain dan membolehkan kerjasama dalam pelbagai cara.

+Sememangnya banyak potensi wujud untuk mengukuhkan lagi hubungan ekonomi itu. Malaysia mempunyai keyakinan penuh bahawa perdagangannya dengan Brazil akan bertambah, daripada segi import dan eksport,+ tambahnya.

Perdana Menteri juga menghuraikan program yang liberal dan menarik yang dilaksanakan oleh Malaysia untuk menarik pelaburan asing, daripada segi modal dan teknologi.

Beliau berkata pertumbuhan perindustrian dalam beberapa tahun ini sebahagian besarnya merupakan hasil dasar terbuka Malaysia untuk menggalakkan penyertaan asing dalam ekonominya.

Penswastan akan diteruskan dengan lebih aktif dan kerajaan akan menyambut baik penyertaan pelabur asing untuk mengadakan modal dan teknologi dalam projek-projek yang diswastakan itu. -- Lagi.

♥26/06/13-02MST

R GB 26-06 00159 BA533

Aab

Mahathir - Brazil 3 Rio De Janeiro

I

Datuk Seri Dr Mahathir memberitahu usahawan Brazil bahawa Malaysia bersedia berkongsi dengan negara itu kepakaran dalam sektor perkilangan, pengurusan ladang, carigali bahan galian, teknologi pembinaan dan kejuruteraan seperti yang telah dilakukannya dengan banyak negara lain. Perdana Menteri juga menjelaskan kepada mereka mengenai Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) yang dicadangkan beliau itu.

Katanya, matlamat EAEG ialah untuk menggalakkan kerjasama ekonomi antara negara-negara Asia Timur bagi membuka jalan kepada sistem perdagangan pelbagai hala yang lebih luas.

Selain daripada menjadi sebuah forum bersama untuk rantau itu dalam mengukuhkan lagi perdagangan, matlamat kumpulan itu juga selari dengan kehendak Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) tetapi ia tidak akan menjadi sebuah blok perdagangan.

+EAEG bukan sahaja memberi manfaat kepada negara-negara di rantau tersebut malah juga kepada negara-negara di luar rantau berkenaan, melalui potensi kesan-kesan yang dapat menghasilkan perdagangan,+ katanya. -- Lagi.

♥26/06/13-05MST

CNS3170

R GB 26-06 '00146 BA535

Aab

Mahathir - Brazil 4 Rio De Janeiro

I

Perdana Menteri juga berkata, Malaysia sentiasa komited kepada sistem ekonomi terbuka dan berminat untuk mengukuhkan lagi hubungan ekonomi dengan semua rakan dagangnya, termasuk Brazil.

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, Malaysia menyokong kuat sistem perdagangan antarnegara yang lebih liberal seperti yang terbukti dalam usahanya untuk melonggarkan lagi peraturan importnya sendiri agar selaras dengan keperluan pembangunan.

Usaha itu ialah dalam bentuk pengurangan tarif dan peraturan dalam pelbagai kegiatan ekonomi, kata beliau.

Esok, Datuk Seri Dr Mahathir dan rombongannya akan berlepas ke Brasilia, ibu neyara Brazil, untuk berunding dengan Presiden negnra itu, Fernando Collor de Mello.

Datuk Seri Dr Mahathir juga akan berucap kepada sekumpulan lagi usahawan Brazil.

Perdana Menteri akan berlepas ke Sao Paulo pada hari Sabtu sebelum mengakhiri lawatannya dengan melawat Argentina. -- Bernama.

♥26/06/13-19MST